

UMS, YKN tandatangani MoU

DE 16-1-16 2 wujud pusat dialisis di Sabah

Neil Chan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menandatangani satu Memorandum Perjanjian (MoA) untuk sebuah pusat dialisis yang akan diwujudkan di negeri ini.

Ia ditandatangani oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr Harun Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Dato' Rafek Reshidullah di bangunan Canselor UMS, pada Khamis.

"Pusat bersama dialisis UMS-YKN itu akan diwujudkan di Plaza Kingfisher dengan 10 unit mesin hemodialisis yang akan disumbangkan oleh YKN," kata Harun.

"Adalah menjadi harapan saya agar pusat itu yang dijangka dibuka Februari ini akan dapat membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan seumpamanya.

"Saya juga berharap agar usaha oleh UMS dan YKN ini akan memberikan perkhidmatan berharga kepada masyarakat setempat di man aia boleh ditambah baik dan dikembangkan apabila tiba masanya dan juga agar UMS dan YKN akan dapat men-



HARUN dan Rafek menukar dokumen MoU mereka selepas majlis menandatangani itu.

jalinkan hubungan lebih rapat, terima kasih kepada kerjasama antara kedua-dua pihak untuk membantu rakyat Malaysia yang memerlukan."

Difahami bahawa pusat itu akan dikendalikan oleh fakulti perubatan Universiti itu dan setiap mesin akan dapat merawat tiga pesakit sehari dan bahawa 18 pesakit memerlukan juga akan dipilih untuk ditaja oleh YKN untuk rawatan dialisis itu.